

## Nestle jadikan Malaysia rujukan pengeluaran produk halal

Oleh [Hazwan Faisal Mohamad](#) - Ogos 8, 2022 @ 1:56pm  
[hazwanfaisal@bh.com.my](mailto:hazwanfaisal@bh.com.my)



Kilang pengeluaran Nestle Sri Muda di Shah Alam -NSTP/Genes Gulitah

SHAH ALAM: Malaysia terus menjadi tunjang utama kepada gergasi pengeluar makanan dan minuman (F&B) dunia, Nestle untuk menghasil dan mengawal selia produk halal.

Produk halal menjadi antara penyumbang utama kepada Kumpulan Nestle apabila menyumbang 15 peratus daripada keseluruhan jualan global.

Pengerusi Jawatankuasa Halal Nestle dan Ketua Bahagian Halal Nestle Malaysia, Othman Md Yusoff, berkata ketika ini ada lebih 150 daripada 477 kilang Nestle di seluruh dunia mengeluarkan produk halal.

"Malah, kami ketika ini sedang bekerjasama dengan Nestle Ivory Coast di Afrika Barat dan Serbia yang sudah memohon bantuan untuk mendapatkan pensijilan halal di kilang pengeluaran mereka yang dijangka mengambil masa antara enam hingga 12 bulan untuk selesai.

"Di mana-mana sahaja Nestle beroperasi, jika ada permintaan untuk halal, kami akan memenuhinya. Mereka akan merujuk kepada Malaysia, iaitu Pusat Kecemerlangan Halal bagi Nestle global untuk meminta nasihat dan kami juga akan menyediakan bantuan teknikal di kilang mereka untuk membantu memperoleh pensijilan halal.

"Jika ada pembekal strategik atau pembekal atau pembekal yang kami memerlukan, kami juga akan menyediakan bantuan teknikal untuk membantu mereka memperoleh pensijilan halal. Selain itu, kami juga kekal mengawasi pusat pengeluaran halal yang lain di seluruh dunia bagi memastikan standard halal itu terus dipatuhi," katanya dalam temu bual bersama di kilang pengeluaran Nestle Sri Muda dekat sini, baru-baru ini.



Pengerusi Jawatankuasa Halal Nestle dan Ketua Bahagian Halal Nestle Malaysia, Othman Md Yusoff -NSTP/Genes Gulitah

"Halal tidak seperti pensijilan yang lain kerana ia memerlukan pemeriksaan setiap bahan yang digunakan dalam produk, prosesnya dan sebagainya. Dengan semua pemeriksaan ini, barulah produk berkenaan boleh diiktiraf dengan pensijilan halal. Ini juga adalah antara kelebihan halal kerana ia memudahkan kami untuk memenuhi keperluan ESG," katanya.

Beliau menambah, Nestle Malaysia kini adalah pengeluar produk halal terbesar dalam Kumpulan Nestle dengan portfolio yang terdiri daripada lebih daripada 500 produk halal buatan Malaysia yang dieksport kepada lebih 50 negara di seluruh dunia.

"Kami mencapai jualan RM5.7 bilion hingga RM5.8 bilion pada 2021 dan lebih RM1 bilion adalah daripada eksport. Ini adalah iumlah eksport yang besar." katanya.